

1

a) Kosongkan ruangan tarikh



BERTARIKH PADA .....

DI ANTARA

SELAMAH BINTI ABD KARIM

(No. KP: 340217-00-0000)

DAN

AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD  
(No. Syarikat: 47457-V)

.....  
SURAT KUASA WAKIL  
.....

AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD  
Tingkat 4, Balai PNB  
201-A, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

2

Lengkapkan ruangan Nama dan Nombor Kad Pengenalan



3

Pastikan versi surat kuasa wakil adalah betul. Versi HA bagi Hibah Amanah




HA

Muka Surat 1/4

# 2

Lengkapkan maklumat:

- a) Nama Pemberi Hibah
- b) Nombor Kad Pengenalan
- c) Alamat Pemberi Hibah



### SURAT KUASA WAKIL

SURAT KUASA WAKIL ini dibuat pada ..... oleh  
SELAMAH BINTI ABD KARIM (No. KP ..... 340217-00-0000.....)  
yang beralamat di:

17 BLOCK C  
JALAN KASIA  
50000 DESA KASIA  
SELANGOR DARUL EHSAN

(selepas ini dirujuk sebagai "Pemberi Kuasa") bagi tujuan Hibah Amanah yang telah ditandatangani dan / atau dicap ibu jari kiri oleh Pemberi Kuasa

DAN

Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat: 47457-V) yang mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 4, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur (selepas ini dirujuk sebagai "ASNB" atau "Penerima Kuasa") bagi pihak yang lain.

#### BAHAWASANYA:

- A. Pemberi Kuasa adalah pemegang unit berdaftar kepada tabung unit amanah yang diuruskan oleh ASNB (selepas ini disebut sebagai "Harta Hibah").
- B. Pemberi Kuasa telah menyempurnakan pengisytiharan Hibah Amanah dan Surat Ikatan Hibah Amanah bertarikh ..... dan Surat Ikatan Hibah Amanah Tambahan (jika ada) bagi tujuan menghibah Harta Hibah kepada individu-individu yang dinamakan di dalam pengisytiharan Hibah Amanah dan Surat Ikatan Hibah Amanah tersebut dan Surat Ikatan Hibah Amanah Tambahan (jika ada).
- C. Pemberi Kuasa dengan ini melantik dan menamakan ASNB sebagai wakil Pemberi Kuasa yang sah atas namanya dan bertindak bagi pihaknya atau sebaliknya untuk menjalankan tujuan-tujuan seperti berikut yang akan dinyatakan.
- D. Surat Kuasa Wakil ini menjadi sebahagian daripada dokumen Hibah Amanah bagi Harta Hibah dan hendaklah diambil, dibaca dan ditafsirkan bersama pengisytiharan Hibah Amanah dan Surat Ikatan Hibah Amanah bertarikh ..... dan Surat Ikatan Hibah Amanah Tambahan (jika ada).

# 1

Kosongkan ruangan tarikh



# 3

Sila baca dan fahami ruangan ini

# 1

Kosongkan ruangan tarikh

MAKA, SURAT KUASA WAKIL INI MENYAKSIKAN Pemberi Kuasa DENGAN INI MELANTIK SECARA TAK BOLEH BATAL Penerima Kuasa dan pegawai-pegawainya sebagai wakil yang sah atas namanya dan bertindak bagi pihaknya atau sebaliknya untuk tujuan-tujuan berikut:

- (1) Untuk menuntut Harta Hibah yang tertakluk kepada Hibah Amanah di bawah pengisytiharan Hibah Amanah dan Surat Ikatan Hibah Amanah bertarikh ..... dan Surat Ikatan Hibah Amanah Tambahan (jika ada) selepas kematian saya.
- (2) Untuk melaksanakan apa-apa tindakan, perkara dan / atau apa-apa sahaja hal yang lain bagi pihak Pemberi Kuasa berhubung dengan Harta Hibah.
- (3) Untuk melaksanakan segala tindakan, perkara dan menandatangani serta menyempurnakan segala dokumen yang dikira perlu dan / atau wajar oleh Penerima Kuasa untuk menyebabkan penjualan, pindahmilik atau apa-apa transaksi berkenaan Harta Hibah sebagai terlaksana dengan sepenuh dan selengkapnya seperti yang dilakukan oleh Pemberi Kuasa sekiranya dia hadir sendiri.
- (4) Mengganti dan melantik dari semasa ke semasa seorang atau lebih wakil dengan kuasa yang sama atau kuasa yang terhad dan pengganti wakil tersebut pada kehendaknya boleh menyingkir wakil lain dan melantik orang lain sebagai ganti mereka.
- (5) Menyebabkan Surat Kuasa Wakil ini didaftarkan di pejabat pendaftaran Mahkamah Tinggi Malaya.

Pemberi Kuasa dengan ini bersetuju dan berakujanji untuk meratifikasi dan mengesahkan apa-apa sahaja yang Penerima Kuasa lakukan atau menyebabkannya dilakukan sebagai sah oleh sebab Surat Kuasa Wakil ini.

Pemberi Kuasa dengan ini selanjutnya bersetuju dan berakujanji bahawa dengan Surat Kuasa Wakil ini, apa-apa sahaja surat kuasa wakil, pihak berkuasa dan kebenaran lain (jika ada) yang diberikan kepada mana-mana pihak lain sebelum Surat Kuasa Wakil ini adalah dengan ini terbatal dengan serta merta.

Pemberi Kuasa dengan ini mengisytiharkan bahawa Surat Kuasa Wakil ini dibuat dengan balasan berharga dan berikrar, mengaku dan mengesahkan bahawa perantaraan Penerima Kuasa adalah tak boleh batal dan kekal wujud walaupun kematian dan ketidakupayaan Pemberi Kuasa dan mempunyai kesan sepenuhnya selagi Pemberi Kuasa masih menjadi pemilik berdaftar Harta Hibah.

# 2

Sila baca ruang ini

1

- Lengkapkan ruangan:
- a) Tandatangan dan / atau Cap Ibu Jari Kiri Pemberi Hibah (Pastikan sama seperti di Surat Ikatan)
  - b) Nama Pemberi Hibah
  - c) Nombor Kad Pengenalan Pemberi Hibah

2

- a) Ruangan ini dilengkapkan oleh pegawai yang mengesahkan Surat Kuasa Wakil
- b) Sila pastikan pegawai yang mengesahkan Surat Kuasa Wakil adalah seperti yang telah ditetapkan oleh ASNB

Nota: Pegawai Pengesah Jaksa Pendamai dan Peguam Bela dan Peguam Cara hanya dibenarkan bagi Semenanjung Malaysia sahaja.

Pemberi Kuasa telah menurunkan tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri di sini pada hari, bulan dan tahun mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani dan / atau dicap ibu jari kiri )  
 Oleh Pemberi Kuasa di atas )  
 )  
 )  
 )

LTP  *Selamah*  
 Nama: SELAMAH BINTI ABD KARIM  
 No. KP: 340217-00-0000

**PENGESAHAN SURAT KUASA WAKIL**

Saya, HAJJAH JAMILAH ISMAIL  
 seorang Majistret / Jaksa Pendamai / Pentadbir Tanah / Notari Awam / Pesuruhjaya Sumpah / Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi Malaysia, bertugas di KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN dengan ini mengesahkan bahawa tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri Pemberi Kuasa di atas telah dituliskan dan / atau diturunkan di hadapan saya pada 02.01.2016 dan pada pengetahuan peribadi saya adalah tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri yang benar bagi SELAMAH BINTI ABD KARIM (No. KP: 340217-00-0000) yang telah mengaku kepada saya bahawa beliau adalah cukup umur dan beliau telah dengan sukarela dan suci hatinya sendiri dan faham sepenuhnya terma-terma yang terkandung di dalam Surat Kuasa Wakil ini dan telah menyempurnakan Surat Kuasa Wakil ini.

Dihadapan saya,  
  
 No: W626  
 Nama: HAJAH JAMILAH ISMAIL  
 Tandatangan, Nama dan Cop Rasmi  
 Lot 5.30, Tingkat 5  
 Wisma Central  
 Jalan Ampang  
 50450 Kuala Lumpur

HA

Muka Surat 4/4

3

Pegawai pengesah Surat Kuasa Wakil perlu melengkapkan maklumat tempat bertugas. Pastikan daerah dan negeri tempat bertugas ditulis atau dicop di ruangan ini

4

Lengkapkan nama dan nombor Kad Pengenalan Pemberi Hibah.